MAHATHIR - INDUSTRI ฿'฿'฿'
(I)

DARIPADA S. SIVASELVAM

1983

SEOUL, 9 OGOS (BERNAMA) -- MALAYSIA LEBIH SUKA DIMASUKKAN DALAM KATEGORI NEGARA-NEGARA BARU PERINDUSTRIAN BERSAMA KOREA SELATAN, TAIWAN DAN SINGAPURA KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD.

BAGAIMANAPUN, PENGELASAN KE DALAM KATEGORI ITU TIDAK BAIK +KERANA APABILA DIMASUKKAN DALAM KATEGORI INI, NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN LAIN YANG TELAH LAMA MAJU AKAN BERSATU MENENTANG KITA,+ KATA PERDANA MENTERI.

+TETAPI JIKA ANDA MAHUKAN PENGELASAN, ITU MERUPAKAN KATEGORI YANG SESUAI DENGAN KAMI -- BERSAMA REPUBLIK KOREA, TAIWAN DAN SINGAPURA,+ TAMBAH BELIAU DALAM SATU TEMURAMAH YANG DISIARKAN DALAM AKHBAR KOREA HERALD HARI INI.

BELIAU TELAH DITANYA DALAM KUMPULAN MANAKAH MASYARAKAT KEWANGAN ANTARABANGSA PERLU MELETAKKAN MALAYSIA.

AKHBAR KOREA HERALD DAN SEBUAH LAGI AKHBAR BERBAHASA INGGERIS, KOREA TIMES, MEMBAWA LIPUTAN PENUH BERWARNA LAWATAN PERDANA MENTERI SELAMA SEMINGGU KE NEGARA ITU MULAI SEMALAM.

RENCANA-RENCANA YANG DIMUATKAN DALAM AKHBAR-AKHBAR ITU IALAH [illegible] DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG MENJELASKAN DASAR PANDANG KE TIMUR DENGAN MENDALAM, PELUANG PELABURAN DAN INSENTIF DI MALAYSIA SERTA PEMBANGUNAN NEGARA DALAM PELBAGAI BIDANG DALAM MASA BEBERAPA TAHUN, LALU. -- LAGI 1848/MK

MAHATHIR - INDUSTRI 2 SEOUL ฿'฿'฿'

DALAM TEMURAMAH ITU PERDANA MENTERI JUGA BERKATA MENJELANG RANCANGAN MALAYSIA KELIMA (1986-1990) MALAYSIA AKAN MEMPUNYAI BEBERAPA INDUSTRI UTAMA BERJALAN LANCAR SEPERTI BESI, JENTERA, KERTAS SERTA LOGAM DAN TUGAS UTAMA KETIKA ITU IALAH BAGI MELUASKAN-NYA LAGI.

+KITA JUGA AKAN MEMASUKI BIDANG-BIDANG BERTEKNOLOGI TINGGI DAN MENIMBANG KEMUNGKINAN MENGELUARKAN BARANGAN YANG LEBIH SOFISTIKATED,+ TAMBAH BELIAU.

+KETIKA INI KITA HANYA MENGELUARKAN KOMPONEN ASAS (BIDANG-BIDANG ITU) DAN KITA AKAN MELANGKAH SETAPAK LAGI BAGI MENGELUARKAN BARANG YANG TELAH LENGKAP.+

BELIAU MENJANGKA DALAM MASA 10 TAHUN LAGI MALAYSIA SUDAH BERADA DI JALAN YANG KUKUH MENJADI NEGARA PERINDUSTRIAN -- +KITA PASTI TELAH MEMPELBAGAIKAN SUMBER KEWANGAN DAN SEBAGAINYA.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENJELASKAN SEBAB-SEBAB BAGI DASAR PANDANG KE TIMUR DAN USAHA KE ARAH MELAHIRKAN KERAJAAN YANG BERSIH, CEKAP DAN AMANAH.

DITANYA SAMA ADA DASAR PANDANG KE TIMUR BERMAKNA ORIENTASI SEMULA AMALAN PINJAMAN DAN KAEDAH PEMASARAN MALAYSIA, BELIAU BERKATA MALAYSIA TELAH MEMPUNYAI SUMBER PINJAMAN DARI JEPUN DENGAN KADAR YANG RENDAH SEJAK BEBERAPA TAHUN LALU DISAMPING IMBANGAN PERDAGANGAN DENGAN NEGARA ITU YANG POSITIF.

APA YANG MALAYSIA MAHU LAKUKAN IALAH UNTUK MENJUAL LEBIH BANYAK BARANG PERKILANGANNYA KEPADA JEPUN, MUNGKIN BARANGAN YANG MEMERLUKAN BANYAK TENAGA BURUH BAGI MENGELUARKANNYA. -- LAGI 1901/MK

MAHATHIR - INDUSTRI 3 SEOUL

BELIAU JUGA MENJELASKAN MENGAPA CADANGAN MENUBUHKAN PERSATUAN NEGARA-NEGARA PENGELUAR BIJIH TIMAH BERDAYA MAJU DAN BERKATA DENGAN MAKLUMAT PASARAN YANG BETUL, PERSATUAN ITU BOLEH BERGERAK BUKAN UNTUK MENYUSAHKAN MASYARAKAT DUNIA TETAPI BAGI KEUNTUNGAN PENGELUAR AGAR MEREKA TIDAK MENGHADAPI MASALAH AKIBAT HARGA YANG SERING TURUN NAIK.

APABILA DIBERITAHU BAHAWA PERSATUAN NEGARA-NEGARA PENGELUAR ALUMINIUM TIDAK BERDAYA MAJU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA LOGAM ALUMINIUM TIDAK SAMA DENGAN BIJIH TIMAH DI MANA BEBERAPA BUAH NEGARA MENGELUARKAN KIRA-KIRA 80 PERATUS BIJIH TIMAH DUNIA.

+KEADAANNYA AGAK RUMIT TETAPI BERBEZA DENGAN BIJIH TIMAH IA DIJUMPAI HAMPIR SECARA EKSKLUSIF DI EMPAT BUAH NEGARA, SERTA PASARAN DAN GANTIANNYA DIKETAHUI MEMBOLEHKKAN KITA MENGAWAL HARGA AGAR IANYA KEKAL BERSAINGAN,+ TAMBAH BELIAU.

DITANYA BAGAIMANA MALAYSIA BOLEH MENGHARAPKAN KADAR PERTUMBUHAN YANG KUKUH, KIRA-KIRA LAPAN PERATUS KADAR SEBENAR BAGI MEMENUHI MATLAMAT-MATLAMAT RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT DALAM KEADAAN KEMELESETAN, PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA MENGHARAPKANNYA DARI PERTUMBUHAN DALAM NEGERI DARIPADA PERTUMBUHAN DALAM INDUSTRI YANG BERKAITAN DENGAN PERDAGANGAN EKSPORT.

BELIAU MENJELASKAN TERDAPAT POTENSI +BESAR+ BAGI PERTUMBUHAN DALAM NEGERI MEMANDANGKAN BIDANG BAGI IMPORT GANTIAN BELUM DITEROKA SEPENUHNYA. -- LAGI 1919/MK

MAHATHIR - INDUSTRI 4 SEOUL

BELIAU JUGA MENEGASKAN BAHAWA TIADA PERUBAHAN BESAR AKAN DILAKUKAN TERHADAP RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT AKIBAT KEMELESETAN, TETAPI BEBERAPA PROJEK TERPAKSA DITANGGUHKAN. BEBERAPA BUAH KEMENTERIAN SEDANG MENGKAJI PROJEK MASING-MASING BAGI MENYUSUN SENARAI MENURUT KEUTAMAAN.

DITANYA APAKAH UNSUR-UNSUR YANG TERDAPAT PADA MALAYSIA DAN EKONOMINYA YANG MEMERANJATKAN PENGUSAHA BANK DAN MASYARAKAT KEWANGAN ANTARABANGSA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ANTARA LAIN IALAH KEBOLEHAN MALAYSIA MELAKUKAN SESUATU YANG KEBANYAKAN NEGARA YANG BARU MERDEKA TIDAK BERUPAYA MELAKUKANNYA, TERMASUK MENGEKALKAN KESTABILAN POLITIK SERTA MENGAMALKAN DEMOKRASI.

DISAMPING ITU IALAH KEUPAYAAN MALAYSIA MENGEKALKAN KADAR PERTUMBUHANNYA DALAM TEMPOH SELEPAS MERDEKA DAN MENCAPAINYA PADA KADAR YANG LEBIH TINGGI DARI LAIN-LAIN NEGARA MEMBANGUN.

TANGGAPAN SILAP ORANG ASING TERHADAP MALAYSIA YANG MEMBIMBANGKAN BELIAU IALAH +BEBERAPA ORANG MASIH MEMPUNYAI TANGGAPAN SILAP ITU WALAUPUN PRESTASINYA ADALAH JAUH BERBEZA DARIPADA YANG MEREKA RAMALKAN.+ -- LAGI 1938/MK

MAHATHIR - INDUSTRI 5 SEOUL

PERDANA MENTERI JUGA MENYEBUT BEBERAPA FAKTOR UTAMA MENGAPA MALAYSIA BOLEH MENDAPATKAN PINJAMAN BERSINDIKET TERDIRI DARI:

+KEKUKUHAN EKONOMI KITA SERTA KEUPAYAAN MEMBAYAR BALIK PADA MASANYA. KITA TIDAK PERNAH MELENGAHKAN BAYARAN DISAMPING MENGEKALKAN SISTEM PENGURUSAN KEWANGAN NEGARA YANG KONSERVATIF.

+KAMI TIDAK BERMAIN DENGAN WANG. KITA TIDAK BERBELANJA BERLEBIH-LEBIHAN DAN KITA MEMATUHI SYARAT-SYARAT YANG DIPERSETUJUI. -- BERNAMA 1940:MK